



21 JUL, 2023

SPRM tahan dua pegawai kastam terima sogokan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

SPRM tahan dua pegawai kastam terima sogokan

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selepas disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa.

Penahanan kedua-dua lelaki berusia 46 dan 56 tahun itu dilakukan menerusi Op Jaguar pada Isnin lalu.

"Mereka disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa itu.

"Setakat ini, tiada rampasan dibuat dan siasatan lanjut sedang dijalankan oleh SPRM," kata sumber.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AML) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin mengesahkan penahanan kedua suspek terbabit.

Terdahulu, media melaporkan, pemilik syarikat serta ejen pelupusan sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa yang dicari SPRM berjaya ditahan.

Suspek berusia 43 tahun yang melarikan diri ditahan selepas hadir menyerah diri di pejabat SPRM Selangor pada kelmarin.

Dalam operasi sebelum itu, tujuh individu berusia antara 30 hingga 59 tahun membabitkan warganegara Malaysia, Bangladesh, Pakistan dan Nepal ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Daripada keseluruhan ditahan itu, empat daripadanya direman sementara tiga lagi warga asing diserahkan ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut.



21 JUL, 2023

SPRM tahan dua pegawai kastam terima sogokan

Utusan Malaysia, Malaysia



SUMMARIES

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) selepas disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa. Penahanan kedua-dua lelaki berusia 46 dan 56 tahun itu dilakukan menerusi Op Jaguar pada Isnin lalu."Mereka disyaki menerima sogokan daripada sindiket penyeludupan dan pelupusan sisik tenggiling antarabangsa itu."Setakat ini, tiada rampasan dibuat dan siasatan lanjut sedang dijalankan oleh SPRM," kata sumber.